



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/12/95 (HQ)

### 400 MURID TERIMA KELENGKAPAN PERSEKOLAHAN MELALUI PROGRAM 'BACK TO SCHOOL' TNB 2018

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** hari ini menyampaikan sumbangan bantuan kelengkapan persekolahan kepada 400 murid berusia antara tujuh hingga 12 tahun, daripada keluarga kurang berkemampuan dari beberapa buah sekolah rendah di Pasir Gudang, Johor Bahru.

Sumbangan disampaikan Menteri Besar Johor, YAB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, di Dewan Mufakat Permas 2, Permas Jaya, Johor.

Program Jom ke Sekolah atau Back To School ini merupakan inisiatif Tanggungjawab Korporat TNB (CR) dalam bidang pendidikan. Program bantuan kelengkapan persekolahan murid-murid ini bertujuan meringankan beban golongan kurang berkemampuan dalam menyediakan persiapan persekolahan.

Mereka (penerima) menerima set kelengkapan sekolah bernilai RM200 seorang dengan kos keseluruhan RM80,000. Bantuan kelengkapan ini mengandungi sepersalinan pakaian seragam, tudung (murid perempuan), kasut dan stoking, beg sekolah dan alat tulis.

Pengurus Besar (Perkhidmatan Pelanggan) Johor, Bahagian Pembahagian TNB, Datuk Baderul Sham Saad berkata, TNB amat memahami kekangan kewangan yang dihadapi golongan kurang berkemampuan dalam mempersiapkan kelengkapan persekolahan anak-anak, terutamanya kepada keluarga yang mempunyai ramai anak.

Program anjuran TNB ini turut dilaksanakan di 50 buah daerah di seluruh negara. Seramai 10,000 murid menerima sumbangan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM2 juta.

**Dikeluarkan di Pasir Gudang, Johor pada 3 Disember 2017 (Sabtu), jam 3.00 petang**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*